

BERITA ONLINE


AGENDA DAILY

TARIKH: 11 SEPTEMBER 2022 (AHAD)



## PRU-15: UMNO tak yakin BN boleh menang 20 kerusi Parlimen di Johor

17 jam lalu · Politik



BN kini menguasai lapan kerusi Parlimen iaitu di Kota Tinggi; Tanjung Piai; Pengerang; Tenggara; Sembrong; Ayer Hitam; Parit Sulong; dan Pontian, yang dimenangi pada PRU-14 dan Pilihan Raya Kecil.

UMNO Johor tidak yakin Barisan Nasional (BN) boleh memenangi 20 daripada 26 kerusi Parlimen di negeri itu pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) akan datang, sebagaimana ditetapkan BN Pusat.

Sebaliknya Ketua Penerangan UMNO Negeri Datuk Seri Dr Adham Baba berkata sasaran BN Johor untuk menang 16 kerusi Parlimen adalah lebih realistik daripada ditetapkan Pusat.

BN kini menguasai lapan kerusi Parlimen iaitu di Kota Tinggi; Tanjung Piai; Pengerang; Tenggara; Sembrong; Ayer Hitam; Parit Sulong; dan Pontian, yang dimenangi pada PRU-14 dan Pilihan Raya Kecil (PRK).

Kerusi selebihnya dikuasai Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH).

Menurut Dr Adham sasaran itu adalah hasil kajian yang dibuat Biro Penerangan UMNO negeri itu, selain veteran, Wanita, Pemuda dan Puteri.

“Kita harap pendirian kita didengar supaya kita dapat buat kerja dengan lebih tersusun... lebih pelbagai kaedah kempen dalam saat di perlukan.

“Tapi jelas di sini kita lihat balik, perlu jujur dalam meletakkan sasaran. Maksimum boleh pergi (sasaran) 16 kerusi campur dua. Tetapi kita mesti sasarkan 20 kerusi dengan kerjasama semua pihak,” katanya menurut Awani.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Penerangan (Media Sosial) anjuran Veteran UMNO Johor di pejabat Badan Perhubungan UMNO Johor di sini, hari ini.

Dr Adham berkata, UMNO Johor tetap akan berusaha mencapai sasaran menang di 20 kerusi Parlimen seperti ditetapkan BN Pusat.

Bagaimanapun Ahli Parlimen Mersing, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad yang menang atas tiket BN kemudian menyertai Bersatu menjadikan bilangan Ahli Parlimen gabungan itu berkurangan kepada tujuh.

Angka itu kembali meningkat kepada lapan setelah Datuk Seri Dr Wee Jock Seng menang PRK Tanjung Piai pada November 2019.